

17 AUG 2002

Bunyamin-Cari

PAS KELANTAN AKAN BANTU CARI BUNYAMIN

KOTA BAHARU, 17 Ogos (Bernama) -- PAS Kelantan akan membantu mencari bekas anggota Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob yang dikehendaki polis bagi melengkapkan siasatan berhubung kenyataannya yang dikatakan berunsur fitnah kerana mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Penasihat Undang-Undang PAS Kelantan Takiyuddin Hassan berkata Bunyamin adalah seorang penceramah PAS yang sentiasa berceramah ke seluruh negara dan mungkin beliau masih belum mengetahui bahawa polis sedang mencarinya.

"Kadangkala apabila beliau keluar (berceramah ke negeri lain) seminggu baru beliau balik...saya rasa beliau bukan melarikan diri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program gotong royong perdana membersihkan bandar Kota Bharu sempena perayaan Bulan Kemerdekaan 2002 di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri berkata tindakan Bunyamin menyembunyikan diri bagi mengelak memberi kenyataan kepada polis menunjukkan bahawa pemimpin PAS itu bersalah.

Bunyamin, 56, ketika berceramah politik pada 15 Mac lepas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di Pengkalan Chepa, Kelantan mendakwa Dr Mahathir dan cucunya menonton video lucah.

Petikan ceramahnya itu disiarkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis dibuat di sini iaitu di Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata polis gagal mendapatkan keterangan daripada Bunyamin yang dipercayai sudah menghilangkan diri dan berada di negeri lain.

Ekoran itu, Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Bunyamin tampil secara sukarela untuk memberikan kenyataan bagi membantu siasatan polis terhadapnya.

Takiyuddin yang juga Ketua Pemuda PAS Kelantan berkata setakat ini polis belum menghubungi PAS Kelantan untuk mendapatkan bantuan bagi mengesan Bunyamin.

-- BERNAMA

BD RHM